

Headline	Penawar HIV guna ekstrak bintangor tumpuan dunia		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	10 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	15	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	392 cm ²
Journalist	Mohd Latif Ahmad	AdValue	RM 3,705
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,115



Penawar HIV guna ekstrak bintangor tumpuan dunia

🔍 Kajian terhadap pokok yang hanya ada di Sarawak bakal tarik perhatian antarabangsa

Oleh Mohd Latif Ahmad
bhnews@bh.com.my

► Kuching

Usaha membangunkan penawar HIV yang sedang dibuat berasaskan ekstrak pokok bintangor yang hanya boleh ditemui di negeri ini, bakal menarik perhatian antarabangsa, khususnya dalam kalangan pakar perubatan dan komuniti farmaseutikal.

Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi Sarawak, Dr Annuar Rapa'ee, berkata walaupun masih pada peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D), terutama dalam mengenalpasti keberkesanannya merawat penyakit itu, namun ada pelbagai pihak antarabangsa berminat bekerjasama.

"Ia masih di peringkat R&D, malah penawar ini sedang kita kaji keberkesanannya terhadap penghidap HIV baharu, terutama da-

lam kalangan mereka yang belum menerima rawatan, termasuk menguji kesan sampingannya kepada manusia.

Buka lembaran baharu

"Jika keberkesanannya terbukti, ia pasti membuka satu lembaran baharu dalam sejarah perubatan dunia, sekali gus melonjakkan pencapaian Sarawak dalam bidang kesihatan dan perubatan antarabangsa," katanya selepas menghadiri Sambutan Hari BioBorneo dan Bioekonomi 2017, di sini semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya; Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC), Dr Yeo Tiong Chia dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangu-

nan Bioekonomi Malaysia, Syed Agil Syed Hashim.

Ketika mengulas lanjut, Dr Annuar berkata, pada peringkat seterusnya, penawar itu akan digunakan ke atas lebih ramai pesakit, untuk melihat tahap keberkesanannya.

Perlu kelulusan FDA

"Penemuan saintifik ini dilakukan sekumpulan penyelidik berpengalaman dari CRAUN Research. Program R&D mereka menggunakan ekstrak pokok Bintangor yang dikenali sebagai 'Colanolide A'.

"Bagaimanapun, penawar itu hanya dapat digunakan secara meluas selepas memperoleh kelulusan Pertubuhan Makanan dan Perubatan (FDA) yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) sekiranya keputusan penggunaannya ke atas pesakit positif," katanya.

Headline	Penawar HIV guna ekstrak bintangor tumpuan dunia		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	10 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	15	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	392 cm ²
Journalist	Mohd Latif Ahmad	AdValue	RM 3,705
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,115

